

# Kembali subsidi minyak bantu nelayan C2 tingkat tangkapan

UM 7/6/2022 MS: 12

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan diminta menimbang semula pemberian subsidi minyak kepada bot nelayan kelas C2 kerana golongan tersebut adalah penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara berbanding kelas-kelas lebih kecil yang menerima keistimewaan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Hamid Bahari berkata, bot-bot C2 memerlukan tidak kurang daripada RM45,000 untuk minyak diesel bagi 10,000 liter berbanding minyak yang diberi subsidi yang mana ia jauh lebih murah untuk nelayan kategori lain.

Kataya, harga seliter minyak diesel RM4.70 berbanding bot kelas A, B dan C iaitu pengusaha-pengusaha bot tersebut mendapat minyak subsidi pada RM1.65 seliter.

“Kalau kerajaan beri subsidi kepada nelayan C2, saya amat yakin dalam masa terdekat keadaan bekalan ikan dalam negara kembali pulih secepat mungkin.

“Ia terjadi kerana halangan dihadapi oleh nelayan-nelayan C2 yang pada dasarnya penyumbang besar dalam membantu bekalan ikan negara,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, akhbar melaporkan, Kementerian Pertanian dan



**BOT nelayan kelas C2 menjadi penyumbang terbesar tangkapan ikan dalam negara.**

Industri Makanan (MAFI) merangka beberapa strategi jangka panjang termasuk memperkasa industri input kepada makanan ternakan alternatif serta pemodenan dan digitalisasi sistem makanan.

Bagi strategi jangka pendek pula, ini termasuk memperkasa program kebunuti termasuk kempen makan ikan air tawar seperti keli, tilapia, lampam sungai dan udang galah bagi menggalakkan

konsumer mengetahui resipi dan jenis makanan yang sesuai.

Hamid berkata, kerajaan perlu merangka strategi bagi menjamin bekalan ikan dalam negara dapat memenuhi permintaan masyarakat ketika musim ‘kemarau’ sumber protein itu.

Katanya, negara perlu penambahbaikan dari segi memastikan bekalan makanan terjamin terutama melalui penambahan ikan.

“Kerajaan perlu menyediakan

peruntukan kepada Nekmat atau mana-mana sahaja usahawan yang perlu diketengahkan bagi mengimbangi masalah bekalan ikan dalam negara seperti ketika ini.

“Kita boleh lakukan proses pembekuan ikan secara individual quick freezing (IQF) iaitu sejuk bekuan ikan ketika musim lambakan untuk simpan stok dan dinyahbekukan semasa musim ikan berkurangan,” katanya.